



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (060-079)

### Penyebaran Bunyi dan Leksikal Kata Kerja di Daerah Machang: Satu Analisis Geolinguistik

<sup>1</sup>Siti Noraini Hamzah & <sup>2</sup>Muhammad Haziq Azman  
[snoraini@ukm.edu.my](mailto:snoraini@ukm.edu.my), [a180505@siswa.ukm.edu.my](mailto:a180505@siswa.ukm.edu.my)

<sup>1,2</sup>Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Tarikh terima : 03 Oktober 2023  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 26 Oktober 2023  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023  
*Published online*

#### Abstrak

Kajian dialek Melayu di Malaysia kembali dirancakkan dengan kewujudan multidisiplin yang menggabungkan bidang geografi dengan dialek atau bahasa. Oleh itu, kajian ini akan memerihalkan penyebaran bunyi dan leksikal kata kerja di daerah Machang, Kelantan berbantuan aplikasi *Geographical Information System* (GIS). Kajian ini memfokuskan kepada tiga leksikal kata kerja sahaja iaitu 'pukul', 'baling' dan 'cubit'. Metodologi kajian menggunakan kaedah kajian lapangan dengan melakukan soal selidik dan temu bual. Sebanyak 11 buah kampung yang terlibat mewakili 72 responden dari tiga kategori umur iaitu remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55) dan warga tua (56 tahun keatas) di daerah Machang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan bagi ketiga-tiga leksikal kata kerja ini mempunyai polanya yang tersendiri. Terdapat sebanyak tujuh varian yang ditemui bagi merujuk kepada 'pukul', 10 varian yang mewakili 'baling' manakala sebanyak tujuh varian bagi kata kerja 'cubit' yang telah dikenal pasti dalam kalangan penutur dialek di Machang. Taburan varian-varian ini dijelaskan dari aspek bunyi dan konteks makna penggunaannya dalam masyarakat. Pembuktian peta taburan dan penyebaran dapat memaparkan dengan jelas pola penggunaan variasi untuk ketiga-tiga leksikal yang dikaji. Pemetaan yang dilaksanakan menggunakan teknologi ini juga dilihat mampu menghasilkan lakaran peta yang lebih tepat dan sistematik.

Kata kunci: dialek Melayu Kelantan, leksikal, taburan, penyebaran, GIS.

*The distribution of sound and lexical verbs in the Machang District: A Geolinguistic Analysis*

#### Abstract

*The study of Malay dialects in Malaysia has been revitalized with the emergence of multidisciplinary approaches combining geography and dialect or language. Therefore, this study aims to examine the distribution of sound and lexical verbs in the Machang district of Kelantan, with the assistance of Geographical Information System (GIS)*

applications. This study focuses on three lexical verbs, namely 'pukul' (to hit), 'baling' (to throw), and 'cubit' (to pinch). The research methodology involves field studies through surveys and interviews. A total of 11 villages participated, representing 72 respondents from three age categories: adolescents (15-25 years old), adults (26-55), and the elderly (56 years and above) in the Machang district. The study findings indicate that the distribution of these three lexical verbs has its own patterns. Seven variants were identified for 'pukul,' ten variants represented 'baling,' and seven variants were identified for the verb 'cubit' among the dialect speakers in Machang. The distribution of these variants is explained in terms of sound aspects and the contextual meaning of their usage within the community. Mapping the distribution and spread can clearly illustrate the usage patterns of the studied lexical items. The mapping conducted using this technology is also seen as capable of producing more precise and systematic maps.

*Keywords:* Kelantan Malay dialect, lexical, distribution, spread, GIS.

## 1. Pengenalan

Bahasa mempunyai hubungan signifikan dengan sesuatu masyarakat. Bahasa merupakan aspek yang paling penting dalam kehidupan manusia, masyarakat dan negara dalam mewujudkan hubungan komunikasi sama ada secara langsung atau bertulis. Bahasa ini terhasil daripada keperluan sifat manusia yang memerlukan komunikasi dalam segala aspek. Selain daripada itu, bahasa juga mampu menjadi sebagai simbol kebanggaan atau identiti dalam kalangan penduduk negara. Penggunaan bahasa ini boleh menjadi medium utama dalam mewujudkan perpaduan dalam komuniti. Ringkasnya, bahasa merupakan alat dalam perhubungan manusia untuk menyampaikan maklumat dalam memenuhi kehendak komunikasi.

Sebenarnya, bahasa yang dituturkan oleh masyarakat dalam sehari-hari mengandungi dialek. Dialek yang disebut itu pula mengandungi pelbagai ragam. Umum mengetahui dialek ditakrifkan sebagai variasi bahasa yang dituturkan dalam satu-satu komuniti. Walau bagaimanapun, variasi yang wujud ini mempunyai darjah kesalingfahaman yang tinggi walaupun sebutannya berbeza (Siti Noraini & Nor Hashimah 2018). Pengaruh alam, migrasi dan persekitaran telah mewujudkan kepelbagaian variasi dalam pertuturan. Fenomena yang sering berlaku ini membuktikan sesuatu kawasan berkemungkinan besar tidak hanya mempunyai penutur yang bertutur satu dialek sahaja. Hal ini kerana, negara Malaysia kaya dengan kepelbagaian dialek. Dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia telah dikelompokkan kepada lima kawasan utama iaitu kelompok barat daya yang terdiri daripada Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang meliputi Perak Utara, kelompok Timur Laut yang diwakili oleh dialek Kelantan, kelompok Timur yang meliputi Terengganu, seterusnya kelompok Selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan serta kelompok yang mewakili dialek Negeri Sembilan (Asmah 1991).

Oleh itu, kebanyakan dialek Melayu yang terdapat di Malaysia mempunyai perbezaan yang ketara dari segi sebutan, binaan tatabahasa dan ciri yang tersendiri, dituturkan dalam kawasan tertentu, dan berbeza dengan bentuk bahasa Melayu standard. Namun begitu, perbezaan yang berlaku tidak menampakkan jurang yang ketara sehingga boleh dianggap sebagai suatu bahasa yang lain. Kajian geolinguistik hasil perkembangan teknologi kini iaitu aplikasi *Geographical Information System* (GIS) membantu memperkemas dan memperkukuhkan lagi kajian dialek ini. Geolinguistik merupakan satu bidang gabungan antara geografi dengan linguistik atau bahasa. Faktor perpisahan dari segi geografi sentiasa berperanan dalam melahirkan perbezaan dialek (Harishon 2017).

Kajian ini menjadikan negeri Kelantan sebagai fokus kajian. Menurut Nik Mohamed (1987) dalam tulisannya yang bertajuk "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan", negeri ini merupakan sebuah negeri tertua di Semenanjung Malaysia kerana didiami sejak 10 000 tahun yang lalu hasil penemuan artifak-

artifak atau bahan-bahan peninggalan sejarah di kawasan Hulu, Kelantan. Kelantan Darul Naim terletak di timur laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan 4 wilayah iaitu Thailand (Pattani) di timur laut, Pahang (Kuala Lipis) di selatan, Terengganu (Besut) di tenggara dan Perak (Hulu Perak) di barat. Negeri ini dilihat sebagai negeri yang mencerminkan sifat kemelayuan. Ini kerana sejarahnya yang memperlihatkan tahap yang menarik berdasarkan perkembangan politik, sosio-ekonomi dan wawasan kebudayaan yang unik selain lubuk budaya Melayu, pusat pemancaran agama Islam dan tradisi keilmuan. Negeri Kelantan mempunyai 10 jajahan yang dibahagikan kepada beberapa daerah antaranya Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Ulu Kelantan dan Gua Musang. Ibu negeri Kelantan ialah Kota Bharu.

Makalah ini berteraskan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti varian bunyi dan leksikal kata kerja ‘baling’, ‘cubit, dan ‘pukul’ yang wujud dalam dialek Melayu Kelantan di daerah Machang. Objektif kedua pula ialah menganalisis dan menghuraikan pola penyebaran varian bunyi dan leksikal bagi ketiga-tiga leksikal kata kerja yang berlaku. Dan objektif terakhir adalah untuk menghasilkan peta taburan dan penyebaran varian bunyi dan leksikal di daerah Machang dengan menggunakan aplikasi *Geographic Information System (GIS)*. Pemilihan tiga leksikal kata kerja ini juga dibuat berdasarkan variasi tertinggi yang ditemui di lapangan dan sangat kerap digunakan oleh masyarakat setempat dalam urusan seharian mereka. Ketiga-tiga objektif yang ingin dicapai ini menimbulkan beberapa persoalan kajian. Antaranya ialah apakah varian bunyi dan leksikal bagi ketiga-tiga kata kerja ini dalam dialek Melayu Kelantan di daerah Machang?, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola penyebaran bagi ketiga-tiga leksikal ini? dan bolehkah perisian GIS dapat menghasilkan peta taburan dan peta penyebaran untuk ketiga-tiga leksikal kata kerja yang dikaji?.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Perbezaan dalam dialek telah membentuk satu keunikannya dalam sesuatu bahasa. Disebabkan bahasa merupakan satu keperluan teras dalam berkomunikasi, perkara ini telah mewujudkan satu fenomena di mana berlakunya penyebaran pelbagai varian bagi bunyi dan leksikal dalam dialek Melayu di Kelantan terutamanya di daerah Machang. Kepelbagaian varian yang ditemui tidak sama antara satu kampung dengan kampung yang lain bagi penggunaan kata kerja yang dikaji. Para penyelidik bahasa seperti Nur Faten Shahirah, Radina & Muhammad Zaid (2018), Riduan, Shahidi & Abd Ganing Laenggang (2017), Riduan Makhtar, Norfazila & Norhasliza (2019), Nor Hashimah, Siti Noraini & Zaharani (2014), Nor Hashimah, Fazal Mohamed, Harishon & Khairul Ashraaf (2019) serta Fazal Mohammed, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Imran (2021) telah banyak melaksanakan kajian dialek di kawasan-kawasan dalam daerah Kedah, Perak, Kelantan (tinjauan awal), Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Perlis. Walau bagaimanapun, kajian mereka tidak memfokuskan kepada kata kerja. Kebanyakan kajian yang dibuat lebih melihat kepada kata ganti nama, kata nama, kata adjektif dan gabungan beberapa jenis kata.

Maka dalam makalah ini, pengkaji ingin meneliti variasi kata kerja dalam dialek Melayu Kelantan dengan memfokuskan kepada daerah Machang, Kelantan dengan menggunakan analisis geolinguistik. Pengaplikasian kajian menggunakan GIS ini akan menghasilkan visual pemetaan yang lebih tepat. Pengkaji melihat walaupun terdapat pelbagai kajian dalam dialek Melayu Kelantan, namun pemetaan secara teknologi GIS masih lagi kurang. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil tanggungjawab ini dengan mengkaji bidang berkaitan geolinguistik berkenaan dengan leksikal kata kerja iaitu ‘baling’, ‘pukul’ dan cubit di daerah Machang, Kelantan.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Kajian berkaitan multidisiplin ini telah mula dijalankan oleh Nor Hashimah, Siti Noraini dan Zaharani pada tahun 2014 yang bertajuk “Variasi Dialek Melayu Di Perak Utara: Analisis Geolinguistik”. Makalah ini memaparkan pola variasi dialek bagi leksikal air dan menyusu dengan membandingkan di antara generasi tua dan generasi muda di Perak Utara menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian ini memberi tumpuan kepada pola peralihan dialek bagi leksikal /air/ dan /menyusu/ di Perak Utara menggunakan pendekatan GIS. Dengan bantuan pakar demografi, pengkaji memperoleh 38 buah kampung di kawasan Perak Utara untuk kajian lapangan. Seramai 40 orang enumerator yang mempunyai pengetahuan fonetik telah dipilih untuk menjalankan kajian di lapangan. Sebanyak 200 senarai perkataan yang mewakili perkataan Melayu yang kerap dipilih dan ditemu bual. Terdapat 13 variasi leksikal /air/ dan 18 variasi untuk leksikal /menyusu/ yang ditemui dan dituturkan di Perak Utara. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa generasi muda jelas memperlihatkan berlakunya peralihan bahasa kerana generasi muda yang majoritinya berpendidikan telah terpengaruh dengan bentuk bahasa standard. Tambahan juga keadaan bentuk muka bumi negeri Perak turut menjadi faktor kepada kepelbagaian dialek di Perak. Selain itu, faktor demografi, sempadan, sejarah, ekonomi, migrasi dan sikap juga penentu berlakunya variasi leksikal dan penyebarannya di kawasan yang dikaji.

Seterusnya, kajian Siti Noraini & Nor Hashimah (2018) bertajuk “Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan *Geographical Information System (GIS)*” merupakan kajian yang meneliti kepelbagaian dialek yang ada di Perak. Data leksikal yang dikaji dalam kajian ini ialah ‘air’, ‘bantal’, dan ‘saya’. Data tersebut dikumpul menerusi kajian lapangan di 102 buah kampung di seluruh negeri Perak. Data yang diperolehi kemudiannya disaring, ditranskripsi dan seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan GIS. Kajian ini melibatkan kerja lapangan sepenuhnya. Sebanyak 96 senarai perkataan digunakan dalam sesi temu bual bagi mendapatkan data varian dialek di Perak. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa terdapat sebanyak tujuh varian yang ditemui bagi merujuk kepada leksikal ‘air’, enam varian bagi leksikal ‘bantal’. Manakala, terdapat 15 varian bagi leksikal ‘saya’ ditemui dalam kalangan penutur dialek di Perak. Kepelbagaian variasi ini terjadi kerana wujudnya perbezaan penggunaan varian di antara dua peringkat umur iaitu generasi tua dan generasi muda. Tambahan pula, taraf pendidikan, pekerjaan dan juga perkahwinan turut mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

Nor Hashimah, Mohamed Fazal, Harishon & Khairul Ashraaf telah menjalankan kajian bertajuk “Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai Di Malaysia: Analisis GIS” pada tahun 2019. Artikel ini bertujuan menghuraikan pengaruh penyebaran dialek Melayu Thai dengan mengaplikasikan GIS. Kajian dialek ini telah melibatkan negeri Perlis, Kedah (Langkawi), Pulau Pinang dan Perak. Lebih seribu orang responden yang terlibat dengan tiga kategori usia dikenal pasti, iaitu golongan tua (50 tahun ke atas), dewasa (26-49 tahun) dan remaja (15-25 tahun). Responden telah melalui sesi temu bual dan menjawab soal selidik. Sebanyak 40 senarai perkataan yang berkaitan kehidupan responden telah dipilih. Hasil kajian menunjukkan sememangnya terdapat penyebaran yang meluas bagi dialek Melayu Thai di Malaysia. Yang menariknya, dialek yang tersebar bukan hanya dialek Melayu Patani tetapi juga dialek Satun terutama di Langkawi dan Perlis. Aplikasi GIS ternyata bukan sahaja mampu melakar isoglos dengan tepat tetapi dapat membuktikan bahawa faktor bukan linguistik menjadi faktor tambahan kepada mengapa tersebarnya sesuatu dialek itu ke satu-satu kawasan. Jelasnya, kaedah multidisiplin telah berjaya memberikan penghuraian yang jelas dan tepat mengenai kedudukan dialek dan sebarannya.

“Varian Tak Ketara Kedah: Kajian GIS Dialek Melayu Kedah” merupakan sebuah kajian oleh Fazal Mohammed, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Imran pada tahun 2021 juga mengguna pakai teknologi *Geographical Information System (GIS)* bagi menghasilkan peta variasi dialek Melayu di Kedah. Kajian ini memberi tumpuan kepada pola peralihan dialek bagi leksikal ‘punggung’ dan ‘kerbau’. Pengkaji telah melaksanakan kajian dengan pengumpulan data leksikal yang dibuat menerusi

kajian lapangan di 135 buah kampung bagi keseluruhan daerah di negeri Kedah berdasarkan kaedah soal selidik dan rakaman. Seramai 892 responden yang terdiri daripada generasi tua dan muda terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah mengaplikasikan penggunaan teknologi yang berbantuan GIS iaitu *ArcGIS* dalam menjana peta penyebaran leksikal bagi dialek Melayu di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan bagi leksikal ‘punggung’ dan ‘kerbau’ sebenarnya mempunyai polanya yang tersendiri. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan pembuktian GIS iaitu maklumat-maklumat geografi atau bentuk muka bumi seperti sungai, paya, gunung, bukit dan hutan yang didapati boleh menjadi faktor penentu kepada penyebaran dialek Melayu di Kedah. Hasil daripada kajian tersebut, pengkaji dapat menjelaskan taburan pelbagai varian dialek Melayu di negeri Kedah dan pengkaji dapat mengenal pasti taburan tersebut berdasarkan perbezaan fonologi yang mewakili sesuatu dialek. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah menghuraikan faktor ruang geografi seperti sempadan, sungai, gunung, bukit dan hutan yang turut menjadi faktor penguat kepada penyebaran kepelbagaian varian yang terdapat di negeri Kedah.

Kajian oleh Nor Hashimah dan Wan Athirah Adilah bertajuk “Kata Ganti Nama Dialek Melayu Terengganu: Analisis Geolinguistik” pada tahun 2021 juga bertujuan untuk menghuraikan penyebaran kata ganti nama (KGN) dalam dialek Melayu Terengganu berdasarkan analisis geolinguistik. Kajian ini memanfaatkan kemajuan teknologi *Geographic Information System (GIS)* bagi membantu menghuraikan penyebaran dialek ini dengan mensinergikan faktor linguistik dan bukan linguistik. Seramai 500 orang yang terdiri daripada warga tua, dewasa dan remaja telah dipilih sebagai responden kajian. Kaedah penyelidikan menggunakan borang soal selidik dan temu ramah bagi mendapatkan sebutan responden yang tepat. Semua informen mengisi borang soal selidik dan menyebut kosa kata yang telah disenaraikan. Pengkaji telah memilih 40 leksikal berasaskan domain kekeluargaan, emosi, makanan, kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Kesemua data yang ditranskripsi dirakamkan dalam *MsExcel* sebelum dimasukkan dalam *ArcGIS* bagi mendapatkan peta taburannya. Dapatan kajian menunjukkan wujud pengaruh dialek Melayu Kelantan di Terengganu di samping keunikan KGN di Hulu Terengganu. Pemetaan menggunakan koroplet menghasilkan peta yang jelas titik taburan untuk penggunaan KGN yang dikaji.

Seterusnya, Adriana Santa & Nor Hashimah (2021) juga turut melihat kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun: Analisis GIS. Kajian dialek ini telah melibatkan Pulau Langkawi dan juga wilayah Satun. Kajian bersifat multidisiplin ini menjelaskan bagaimana faktor bukan linguistik seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi, sejarah dan latar belakang responden selain faktor linguistik yang mencorakkan penyebaran dialek Melayu Satun. Kajian ini melibatkan enam buah mukim di Langkawi iaitu mukim Padang Matsirat, mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, mukim Kedawang, mukim Bohor dan mukim Kuah serta lima buah mukim di wilayah Satun iaitu mukim Che Bilang, mukim Bankhuan, mukim Cha Lung, mukim Tammalang dan Tan Yong Poo. Data yang dikumpul melalui penyelidikan lapangan ini melibatkan 240 orang responden yang terdiri daripada golongan muda, golongan dewasa dan golongan tua. Data yang diperoleh kemudian ditranskripsi dan dimasukkan ke dalam perisian *ArcGIS* bagi menghasilkan peta taburan dialek. Hasil kajian menunjukkan terdapat penyebaran yang meluas bagi dialek Melayu Satun di Pulau Langkawi dan juga wilayah Satun itu sendiri. Buktinya, varian leksikal ‘kelapa’ yang ditemui di Langkawi ialah [ɲɔʃ], [mɔpɾa:w], [ɲɔ] dan [ɲiɔʃ] manakala di Satun pula ialah varian [ɲɔʃ], [mɔpɾa:w], [ɲuɔ] dan [ɲiɔʃ]. Perkembangan teknologi GIS telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun.


Akhir sekali, kajian Penyebaran Varian Leksikal Kata Ganti Nama di Daerah Cameron Highlands: Analisis Geolinguistik oleh Siti Noraini, Harishon, Junaini dan Nor Hashimah pada tahun 2023 turut mengaplikasikan perisian GIS. Kajian ini bersifat kajian lapangan sepenuhnya dan hanya melibatkan

daerah Cameron Highlands. Kaedah temu bual dan soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang diinginkan. Data-data tersebut ditranskripsi fonetik dan dianalisis secara tuntas menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua leksikal sahaja iaitu 'saya' dan 'kamu'. Penganalisan data dilaksanakan dengan menggunakan perisian GIS dan penjelasan data berdasarkan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik. Dapatan analisis membuktikan bahawa penyebaran dialek Melayu di Cameron Highlands amat dipengaruhi oleh faktor-faktor persempadanan dan sosiobudaya. Buktinya, pekerjaan, pendidikan dan perkahwinan mempengaruhi kepelbagaian varian untuk leksikal 'saya' dan 'kamu' dalam kalangan penduduk kampung yang ditemui. Dengan ini, carta pai digunakan untuk mendapatkan peratusan yang lebih jelas sehingga dapat memaparkan kebanyakan dialek yang dituturkan oleh warga tua sudah tidak lagi kedengaran atau digunakan oleh golongan remaja. Oleh itu, peta taburan untuk kedua-dua leksikal ini berjaya dihasilkan. Hal ini membuktikan bahawa dialek boleh berubah seiring dengan perubahan zaman. Jika dibiarkan berterusan, ia boleh membawa kepada kepupusan terhadap dialek tersebut.

Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah kesinambungan daripada kajian-kajian lepas dalam bidang geolinguistik. Usaha pendokumentasian dialek berbantuan teknologi perlu dibuat bagi menjaga khazanah yang diwarisi tetap terjaga. Hal ini juga menunjukkan bahawa bidang bahasa umumnya dan dialek khususnya dapat berkembang maju seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini.

### **3. Metodologi Kajian**

Kaedah kajian lapangan merupakan kaedah utama untuk kajian geolinguistik. Penyediaan yang rapi dan teliti dari mula penyelidikan telah dilaksanakan sehingga tamat penyelidikan agar data yang diperoleh sah dan boleh dipercayai. Kajian ini menggunakan teknik soal selidik dan temu bual. Dengan itu, pengkaji telah menyediakan 72 set borang soal selidik seterusnya diedarkan kepada responden yang telah dibahagikan mengikut kategori umur iaitu remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55) dan warga tua (56 tahun ke atas) di daerah Machang sahaja. Sebanyak 11 buah kampung yang terlibat dalam kajian ini yang dapat mewakili enam mukim dalam daerah Machang. Borang soal selidik yang dibangunkan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian maklumat responden, maklumat demografi dan senarai leksikal atau daftar kata. Senarai leksikal yang digunakan adalah inovasi daripada daftar kata Swadesh yang diperkenalkan oleh Morris Swadesh (1955). Selain itu, dalam borang soal selidik juga dimasukkan beberapa gambar untuk ditanya kepada responden. Bagi sesi temu bual pula, pengkaji dan enumerator perlu memancing perbualan responden kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan dalam masyarakat yang dikaji agar mereka dapat bercerita menggunakan dialek setempat secara natural atau alami. Setelah mendapatkan data di lapangan, data-data tersebut ditranskripsi dan dianalisis berdasarkan perspektif geolinguistik deskriptif.



Rajah 1: Kampung-Kampung di Daerah Machang  
 Sumber: <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/10918> (2023)

Kaedah persampelan dalam kajian ini telah ditetapkan dengan pemilihan informen dan responden yang menepati akronim *NORM's* yang telah diperjelaskan oleh dua orang tokoh bahasa iaitu Chamber dan Trudgill (1990). *NORM's* merujuk kepada *nonmobile*, *older*, *rural* dan *males*. Dalam kajian ini, kebanyakan responden yang dipilih adalah penduduk yang sudah lama menetap di kampung terlibat. Nor Hashimah et al. (2020) telah mengkategorikan pecahan umur dalam kalangan responden iaitu kelompok remaja (berumur 15-25 tahun), dewasa (berumur 26-49 tahun) dan warga tua (berumur 50 tahun ke atas). Kelompok umur ini dipilih bagi memperlihatkan variasi penyebaran leksikal dan fonologi bagi leksikal kata kerja 'baling', 'cubit' dan 'pukul' dalam dialek Melayu Kelantan di Machang. Pemilihan daerah Machang dibuat berdasarkan kedudukannya berada ditengah-tengah negeri Kelantan dan bersempadan dengan banyak daerah lain termasuklah negeri Terengganu. Keadaan ini telah mewujudkan kepelbagaian varian bagi leksikal kata kerja yang dikaji. Di samping itu, kawasan luar bandar atau kampung merupakan kawasan yang difokuskan serta turut mengambil kira faktor jantina dalam pemilihan responden. Kaedah pemilihan responden adalah inovasi daripada prinsip *NORM's* yang diperkenalkan oleh Chambers & Trudgill (1990). Oleh itu, jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 72 orang.

Kajian kualitatif banyak bergantung kepada temu bual terutama temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Kahn dan Cannell (1957) mendefinisikan temu bual sebagai 'perbuatan dengan bertujuan' (*conversation with a purpose*). Tujuan utama temu bual dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhati perlakuan dan apabila kita berminat untuk mengetahui sesuatu perkara. Temu bual boleh digunakan dalam kajian kes

yang mengkaji hanya beberapa individu yang terpilih ataupun boleh digunakan dalam kajian yang memerlukan pengumpulan data daripada persampelan yang besar. Dalam penganalisan data, perisian pemetaan *Geographic Information System (GIS)* telah digunakan. Mengikut Nor Hashimah et al. (2016), perisian GIS ini berfungsi untuk menjawab persoalan berkenaan faktor geografi yang membawa kepada pembentukan variasi leksikal dalam dialek Melayu. Sistem GIS ini adalah sistem maklumat yang diaplikasikan dalam konteks geografi dan digunakan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan fenomena permukaan bumi. GIS ditakrifkan sebagai himpunan teknologi yang berkemampuan mengutip, menyimpan, dan menganalisis data melalui model yang dikehendaki (Nasir Nayan 2010).

Pengumpulan data melibatkan tiga proses pertanyaan, iaitu pertama maklumat responden, kedua maklumat topografi kawasan kampung yang dikaji, dan ketiga menunjukkan gambar-gambar serta senarai leksikal. Kandungan dalam borang soal selidik yang dibangunkan terdiri daripada bahagian pertama ialah biodata responden yang terdiri daripada jantina, umur, tempat lahir, keturunan keluarga, pendidikan, pekerjaan dan tempoh menetap di kampung. Maklumat peribadi ini diperlukan bagi membantu pengkaji mendapatkan data secara sah daripada penduduk asal kampung tersebut. Pada bahagian kedua ialah maklumat topografi kawasan kajian iaitu pengkaji meneliti mukim kampung, pekan terdekat, bentuk muka bumi sama ada dikelilingi sungai, banjaran, bukit dan lain-lain, serta aktiviti ekonomi yang melibatkan pertanian, perladangan, penternakan dan sebagainya.

Dalam penganalisan data, perisian pemetaan *Geographic Information System (GIS)* telah digunakan. Mengikut Nor Hashimah et al. (2016), perisian GIS ini berfungsi untuk menjawab persoalan berkenaan faktor geografi yang membawa kepada pembentukan variasi leksikal dan bunyi dalam penyebaran dialek Melayu.

Tuntasnya, kewujudan metodologi dalam sesebuah kajian atau penyelidikan adalah untuk menghasilkan sebuah kajian yang lebih bersistematik dan perjalanan yang lebih terarah dalam mencapai setiap objektif yang ingin dicapai. Hasil kajian bergantung kepada metodologi yang diguna pakai dalam sesebuah kajian. Perkara ini kerana data yang diperoleh akan dipersoalkan dan kajian akan diragui jika metodologi yang tidak efektif digunakan. Nor Hashimah et al. (2020) mengatakan bahawa pengaplikasian metodologi yang baik mampu membentuk dan menghasilkan penyelidikan yang sempurna.

#### **4. Dapatan Dan Perbincangan**

Analisis data yang diperolehi adalah hasil daripada tiga leksikal kata kerja yang dikaji. Terdapat 11 buah kampung di daerah Machang, Kelantan yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini. Berdasarkan data yang diperoleh di lapangan, terdapat pelbagai varian bunyi dan leksikal bagi leksikal /baling/, /pukul/ dan /cubit/ yang telah dikenal pasti penggunaannya di daerah Machang.

##### **4.1 Pengenalpastian Varian Leksikal**

Setiap daerah mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain (Raja Mukhtarudin 1986). Hal ini jelas menunjukkan bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan dua perkara yang mempunyai perkaitan. Oleh itu, varian leksikal merupakan satu bentuk bahasa yang mempunyai perbezaan-perbezaan kecil yang dapat dikesan melalui bunyi, penggunaan kata tertentu dan makna sebagai bentuk bahasa yang lain dalam satu sistem bahasa yang sama. Berdasarkan kajian ini, dapat diperhatikan wujudnya kepelbagaian varian yang ditemui bagi leksikal /baling/, /pukul/ dan /cubit/ di kawasan Machang. Hasil daripada kajian secara bersemuka dijalankan antara pengkaji dan responden, wujudnya kepelbagaian varian leksikal kata kerja kerana secara lazimnya tiada sebarang peraturan bahasa yang telah ditetapkan kepada masyarakat untuk bertutur. Walau bagaimanapun, konteks atau situasi perbualan boleh mempengaruhi kepada perbezaan makna yang ingin disampaikan.



**Varian Leksikal /baling/**

Jadual 1: Penggunaan varian leksikal /baling/ di daerah Machang

Senarai Varian Leksikal /baling/										
Bil.	Nama Kampung	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8	Bil. Varian
		lepɑ	pekɔŋ	tɔhɔʔ	ɾədah	puŋɑ	baliŋ	ʃapɔʔ	buwɛ	
1.	Kampung Paloh Rawa	/							/	2
2.	Kampung Dewan Kecil		/	/						2
3.	Kampung Banggol Judah	/	/	/				/		4
4.	Kampung Tok Bok	/	/	/			/			4
5.	Kampung Sat	/	/	/						3
6.	Kampung Bukit	/	/			/				3
7.	Kampung Baru Merbau Chondong	/	/		/	/				4
8.	Kampung Merbau Lelabi	/	/			/				3
9.	Kampung Temangan	/	/						/	3
10.	Kampung Berangan Mek Nab	/		/					/	4
11.	Kampung Joh	/	/		/					3

Berdasarkan hasil analisis data, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak lapan varian bagi leksikal /baling/ bagi 11 kampung yang dikaji. Bagi kampung Paloh Rawa, varian yang ditemui adalah [lepɑ] dan [buwɛ]. Kampung Dewan Kecil pula [pekɔŋ] dan [tɔhɔʔ]. Varian yang ditemui di Kampung Banggol Judah ialah [lepɑ], [pekɔŋ], [tɔhɔʔ] dan [ʃapɔʔ] manakala Kampung Tok Bok terdapat [lepɑ], [pekɔŋ], [tɔhɔʔ] dan [baliŋ]. Seterusnya, Terdapat tiga varian leksikal kata kerja /baling/ di Kampung Sat. Kampung Bukit menunjukkan penggunaan varian seperti [lepɑ], [pekɔŋ] dan [puŋɑ]. Kampung Baru Merbau Chondong memperlihatkan empat varian iaitu [lepɑ], [pekɔŋ], [ɾədah] dan [puŋɑ] berbeza dengan varian yang wujud di kampung Lelabi yang hanya menunjukkan tiga varian leksikal iaitu [lepɑ], [pekɔŋ], [puŋɑ]. Bagi Kampung Temangan, leksikal yang ditemui ialah [lepɑ], [pekɔŋ] dan [buwɛ]. Empat varian yang ditemui di kampung Berangan Mek Nab iaitu [lepɑ], [tɔhɔʔ], [puŋɑ] dan [buwɛ]. Akhir sekali, kampung Joh memperlihatkan tiga varian sahaja [lepɑ], [pekɔŋ] dan [ɾədah].

**Varian Leksikal /pukul/**

Jadual 2: Penggunaan varian leksikal /pukul/ di daerah Machang

Senarai Varian Leksikal /pukul/								
Bil.	Nama Kampung	L1	L2	L3	L4	L5	L6	Bil. Varian
		tɛ	katɔʔ	tapa	bəda	gɔʔɔh	behe	
1.	Kampung Paloh Rawa	/	/					2
2.	Kampung Dewan Kecil		/	/				2
3.	Kampung Banggol Judah		/	/				2
4.	Kampung Tok Bok	/	/	/		/		4
5.	Kampung Sat	/	/	/		/		4
6.	Kampung Bukit	/	/					2
7.	Kampung Baru Merbau Chondong		/		/			2
8.	Kampung Merbau Lelabi	/	/					2
9.	Kampung Temangan	/	/	/				3
10.	Kampung Berangan Mek Nab	/		/			/	3
11.	Kampung Joh	/	/	/				3

Jadual 2 menunjukkan varian leksikal /pukul/ di daerah Machang. Bagi Kampung Paloh Rawa, terdapat dua varian yang ditemui iaitu [tɛ] dan [katɔʔ]. Kampung Dewan Kecil juga mempunyai dua varian iaitu [katɔʔ] dan [tapa] begitu juga dengan Kampung Banggol Judah yang memperlihatkan varian yang sama dengan Kampung Dewan Kecil. Terdapat empat varian yang ditemui Kampung Tok Bok iaitu [tɛ], [katɔʔ], [tapa] dan [gɔʔɔh]. Kampung Sat menunjukkan varian leksikal yang sama dengan Kampung Tok Bok manakala Kampung Bukit menunjukkan dua varian leksikal yakni [tɛ] dan [katɔʔ]. Kampung Baru Merbau Chondong juga menunjukkan dua leksikal iaitu [katɔʔ] dan [bəda]. Selain itu, varian yang wujud di Kampung Merbau Lelabi ialah [tɛ] dan [katɔʔ]. Kampung Temangan mempunyai tiga varian leksikal yang menggambarkan leksikal /pukul/ iaitu [tɛ], [katɔʔ] dan [tapa]. Seterusnya, Kampung Berangan Mek Nab menunjukkan varian leksikal seperti [tɛ], [tapa] dan [behe]. Akhir sekali, bagi Kampung Joh terdapat tiga leksikal yang berjaya ditemukan iaitu [tɛ], [katɔʔ] dan [tapa].

**Varian Leksikal /cubit/**

Jadual 3: Penggunaan varian leksikal /cubit/ di daerah Machang


Senarai Varian Leksikal /cubit/								
Bil.	Nama Kampung	L1	L2	L3	L4	L5	L6	Bil. Varian
		kutɛ	ʃubeʔ	pulah	ʃɔbeʔ	kutil	ʃubit	
1.	Kampung Paloh Rawa	/				/		2
2.	Kampung Dewan Kecil	/				/	/	3
3.	Kampung Banggol Judah	/						1
4.	Kampung Tok Bok	/	/	/				3
5.	Kampung Sat	/	/	/				3
6.	Kampung Bukit	/		/				2
7.	Kampung Baru Merbau Chondong	/	/					2
8.	Kampung Merbau Lelabi	/						1
9.	Kampung Temangan	/			/			2
10.	Kampung Berangan Mek Nab	/	/					2
11.	Kampung Joh	/	/	/	/			4

Berdasarkan data yang diperolehi daripada lapangan, terdapat enam varian bagi kata kerja /cubit/ yang berjaya ditemukan oleh pengkaji. Antara varian leksikal yang ditemukan ialah [kutɛ], [ʃubeʔ], [pulah], [ʃɔbeʔ], [kutil] dan [ʃubit]. Bagi Kampung Paloh Rawa, terdapat dua varian leksikal yang dapat dikenal pasti iaitu [kutɛ] dan [kutil]. Kampung Dewan Kecil pula menunjukkan tiga varian iaitu [kutɛ], [kutil] dan [ʃubit]. Kampung Banggol Judah memperlihatkan satu varian sahaja iaitu [kutɛ]. Selain itu, Kampung Tok Bok mempunyai tiga varian yang ditemui iaitu [kutɛ], [ʃubeʔ] dan [pulah] begitu juga dengan varian di Kampung Sat. Dua varian ditemui di Kampung Bukit iaitu [kutɛ] dan [pulah]. Seterusnya, Kampung Baru Merbau Chondong mempunyai dua varian leksikal bagi kata kerja /cubit/ iaitu [kutɛ] dan [ʃubeʔ] manakala Kampung Merbau Lelabi hanya mempunyai satu varian leksikal sahaja iaitu [kutɛ]. Kampung Temangan mempunyai dua varian sahaja iaitu [kutɛ] dan [ʃɔbeʔ]. Dua Varian telah ditemui di Kampung Berangan Mek Nab. Akhir sekali, terdapat empat varian yang ditemui di Kampung Joh iaitu [kutɛ], [ʃubeʔ], [pulah] dan [ʃɔbeʔ].


## Penganalisan Data

Leksikal bagi kata kerja /baling/, /pukul/ dan /cubit/ yang diperolehi telah menunjukkan kepelbagaian bunyi dan sebutan yang unik di daerah Machang. Peta koroplek dan isoglos di bawah memaparkan taburan dan penyebaran varian bunyi dan leksikal bagi ketiga-tiga leksikal kata kerja yang ditemui dalam kalangan pengguna dialek di daerah Machang, Kelantan. Kepelbagaian varian yang ditemui ini menggambarkan penggunaan leksikal yang paling dominan digunakan oleh penduduk kampung yang dikaji di kawasan kajian.

### a) Leksikal /baling/



Peta 1: Peta isoglos leksikal /baling/ di Machang



Peta 2: Peta koroplet leksikal /baling/ di daerah Machang


Berdasarkan peta 1 di atas, dapat dilihat bahawa penyebaran varian leksikal /baling/ yang paling dominan dituturkan di daerah Machang ialah varian [ləpɑ]. Varian ini sememangnya merupakan varian yang sinonim digunakan di seluruh negeri Kelantan. Keadaan ini dibuktikan menerusi peta koroplet tersebut di mana hampir keseluruhan kawasan kajian yang dikaji iaitu 10 daripada 11 buah kampung menggunakan varian ini. Kita dapat merumuskan bahawa penggunaan leksikal ini digunakan oleh semua masyarakat di Machang dan menjadi sebagai suatu panggilan kata kerja di kawasan tersebut.

Bagi varian [pɛkɔŋ], [tɔhɔʔ], [pʊŋɑ] sememangnya merupakan dialek Kelantan yang khusus digunakan oleh masyarakat kampung iaitu membawa maksud membaling sesuatu. Hasil maklumat daripada responden, varian [pɛkɔŋ] hanya akan digunakan apabila ingin membaling dengan laju. Apa yang membezakan penggunaan varian ini dengan varian [ləpɑ] ialah situasi apabila seseorang itu membaling. Namun begitu, berdasarkan peta yang dijanakan, hanya sebuah kampung iaitu Kampung Dewan Kecil yang dominan menggunakan varian [pɛkɔŋ]. Varian ini menjadi varian kedua yang dominan oleh masyarakat Machang dalam perbualan seharian mereka. Varian [tɔhɔʔ] dan [pʊŋɑ]


merupakan varian ketiga yang dominan digunakan oleh masyarakat Machang dalam perbualan seharian di mana varian [tɔhɔʔ] ditemukan di lima buah kampung manakala tiga buah kampung yang wujud varian [puŋa]. Perkara yang dilihat menarik perhatian pengkaji bagi kedua-dua varian ini setelah pemetaan dibuat ialah varian bagi kedua-duanya wujud secara tidak bertindih di dalam peta. Dengan kata lain, varian [tɔhɔʔ] hanya wujud di Kampung Dewan Kecil, Kampung Banggol Judah, Kampung Tok Bok, Kampung Sat dan Kampung Berangan Mek Nab. Manakala, varian [puŋa] pula hanya wujud di Kampung Bukit, Kampung Baru Merbau Chondong dan Kampung Merbau Lelabi. Varian [ɾədəh] pula hanya tersebar di sekitar utara Machang sahaja iaitu di Kampung Merbau Chondong dan Kampung Joh.

Di samping itu, terdapat juga varian Bahasa Melayu Standard (BMS) iaitu [baliŋ] yang ditemui di Kampung Tok Bok selain varian leksikal ‘campak’ dan ‘buang’. Namun begitu, kedua-dua leksikal tersebut telah mengalami proses fonologi yang disesuaikan dengan dialek Kelantan atau bahasa mudahnya telah “dikelantankan” menjadi [tʃapɔʔ] dan [buwɛ]. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua varian ini tidak menunjukkan sebaran yang didominasi kerana masyarakat Kelantan di Machang lebih gemar bertutur dengan menggunakan varian [ləpɔ] secara umum. Sementara itu, [pɛkɔŋ] dan [tɔhɔʔ] digunakan mengikut konteks atau situasi penggunaannya dalam kalangan masyarakat di daerah ini.

b) Leksikal /pukul/



Peta 3: Peta isoglos leksikal /pukul/ di Machang



Peta 4: Peta koroplek leksikal /pukul/ di daerah Machang

Berdasarkan peta 3 dan 4 di atas, taburan bagi leksikal /pukul/ memperlihatkan varian yang paling dominan digunakan dalam masyarakat Kelantan di Machang ialah [katɔʔ]. Varian ini didapati digunakan di kebanyakan kawasan kajian di Machang iaitu sebanyak 10 daripada 11 kampung. Variasi ini membawa maksud memukul dengan alat seperti rotan, batu, kayu dan sebagainya secara umum. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan maklumat yang dikongsi oleh para responden, perbuatan kata kerja ini melibatkan objek serta menggunakan tangan bagi menggerakkan objek yang digunakan. Perbuatan ini juga menunjukkan pukulan dalam pelbagai situasi misalnya sama ada ke anggota badan, haiwan berbisa dan lain-lain.

Varian [tɛ] dan [tapa] yang taburannya juga dilihat di kebanyakan kawasan kajian di mana [tɛ] dijumpai di lapan buah kampung dan [tapa] di tujuh buah kampung. Varian [tɛ] merupakan varian yang digunakan apabila memukul dengan tangan begitu juga dengan varian [tapa]. Varian [tɛ] dan [tapa] ini juga sebenarnya mempunyai perbezaan secara minor sahaja di mana kedua-duanya dibezakan dengan sasaran memukul dan tahap pukulan sama ada kuat atau perlahan. Varian [tɛ] dan [tapa] ini merupakan varian yang membawa maksud memukul ke anggota badan. Kedua-dua varian ini dapat dibezakan dengan [tɛ] memukul ke seluruh anggota badan dengan tahap pukulan yang perlahan atau manja manakala [tapa] adalah varian yang menunjukkan pukulan tangan ke muka dengan tahap pukulan yang




kuat atau laju. Ringkasnya, bagi ketiga-tiga varian leksikal ini, varian yang paling dominan dituturkan ialah [katɔʔ] kerana lebih bersifat umum.


Bagi varian [bədə] pula, varian ini hanya ditemukan di sebuah kampung sahaja iaitu di Kampung Baru Merbau Chondong. Varian ini dipengaruhi oleh BMS iaitu [bedal] namun ianya telah mengalami proses fonologi atau “dikelantankan” menjadi sebutan [bədə]. Hasil analisis juga mendapati varian [bədə] dan [tɛ] juga mempunyai perbezaan di mana [bədə] menunjukkan pukulan yang akan dikenakan lebih kuat menggunakan objek seperti rotan, ranting kayu, tali pinggang dan kain berbanding [tɛ] yang dilihat lebih perlahan serta jarang melibatkan objek sekadar menggunakan tangan sahaja. Di antara kedua-dua varian ini, didapati bahawa masyarakat di Machang banyak menggunakan varian [tɛ] berbanding [bədə] disebabkan varian [tɛ] banyak ditemukan dalam kawasan kajian iaitu di sebanyak lapan buah kampung. Dari aspek penyebaran topografi dalam peta pula, varian [bədə] hanya ditemukan di kawasan utara Machang sahaja dan tidak tersebar ke kawasan lain.

Varian lain yang ditemukan seperti [gɔʔɔh] dan [beɦ] hanya menunjukkan taburan yang sedikit digunakan oleh penduduk kampung di daerah ini. Varian [gɔʔɔh] hanya tersebar di kawasan tengah Machang iaitu di kampung Tok Bok dan Kampung Sat manakala [beɦ] hanya tersebar di selatan Machang sahaja. Namun begitu, varian-varian leksikal ini masih lagi ditemui dalam masyarakat di kawasan Machang walaupun hanya secara sedikit penggunaannya.

### c) Leksikal /cubit/



Peta 5: Peta isoglos leksikal /cubit/ di Machang



Peta 6: Peta koroplet leksikal /cubit/ di daerah Machang

Berdasarkan peta 5 dan 6 di atas, dapat dilihat bahawa terdapat enam varian secara keseluruhan di 11 kampung yang terlibat iaitu [kute], [ʃubeʔ], [pulah],[ʃɔbeʔ], [kutil] dan [ʃubit]. Penyebaran varian leksikal [kute] dilihat paling dominan dituturkan di daerah Machang, Kelantan. Varian ini menunjukkan penggunaannya yang paling dominan iaitu penggunaan menyeluruh ke semua 11 buah kampung yang dikaji. Varian ini dominan dituturkan atau digunakan oleh kesemua peringkat umur sebagai pilihan dalam pertuturan seharian mereka. hal ini dapat dibuktikan menerusi peta di atas yang memperlihatkan sebaran bagi varian ini sangat meluas di daerah Machang.

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan varian [ʃubeʔ] dan [pulah] juga menunjukkan penggunaan yang meluas di sekitar kawasan kajian. Boleh dikatakan hampir separuh kawasan kajian menggunakan varian tersebut iaitu di Kampung Tok Bok, Kampung Baru Merbau Chondong, Kampung Joh, Kampung Pulau Chondong dan Kampung Berangan Mek Nab. Berdasarkan hasil analisis, kedua-dua varian leksikal ini membawa maksud yang sama iaitu cubit namun berbeza mengikut konteks atau situasi penggunaannya. Varian [ʃubeʔ] ini jarang digunakan dan kebanyakan

ditemui penggunaannya dalam kalangan generasi yang muda. Varian [pulah] pula adalah lakuan mencubit sambil memulas dan tahap perbuatannya adalah sangat sakit. Berdasarkan peta yang dihasilkan, kedua-dua varian ini banyak ditemukan di utara Machang dan tidak tersebar di kawasan-kawasan lain.

Bagi varian [ʃɔbɛʔ], [kutil] dan [ʃubit] pula, merupakan varian yang paling sedikit dituturkan iaitu masing-masing hanya ditemui di dua buah kampung sahaja. Varian [ʃɔbɛʔ] lebih merujuk kepada perbuatan mengutis atau mencubit atau mengopek makanan secara sedikit-sedikit. Perbuatan ini bukan sepenuhnya digunakan untuk menyakitkan orang lain hanya beberapa kampung sahaja menggunakan perbuatan atau kata kerja ini bagi merujuk kepada ‘cubit’ orang. Disebabkan itu, varian [ʃɔbɛʔ] hanya ditemukan di Kampung Paloh Rawa dan Kampung Dewan Kecil manakala varian [kutil] terdapat di Kampung Joh dan Kampung Temangan. Akhir sekali, bagi varian [ʃubit] di Kampung Temangan dan Kampung Dewan Kecil. Namun begitu, ketiga-tiga varian leksikal ini masih lagi dapat ditemui dalam kalangan masyarakat di daerah Machang walaupun hanya digunakan oleh sebilangan kecil penduduk kampung.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan geolinguistik yang menggunakan teknologi *Geographical Information System* (GIS) dalam menjana peta varian bunyi dan leksikal bagi kata kerja di 11 buah kampung dalam daerah Machang. Kajian ini terbukti dapat memperlihatkan kewujudan penyebaran leksikal dialek di Kelantan khususnya di daerah Machang berdasarkan tiga leksikal kata kerja yang dianalisis. Leksikal tersebut merupakan leksikal /baling/, /pukul/ dan /cubit/. Antara faktor yang dilihat mempengaruhi berlakunya penyebaran atau penyekatan varian adalah disebabkan faktor bentuk muka bumi seperti bukit dan gunung selain faktor migrasi penduduk iaitu dari daerah lain dalam negeri Kelantan ke daerah Machang. Selain itu, kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang dapat menghubungkan antara satu titik kampung ke satu titik kampung yang lain juga mempengaruhi penyebaran dialek ini. Ringkasnya, perisian GIS dilihat dapat membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini dengan lebih terperinci berbanding menggunakan cara tradisional. Pengkaji berharap agar kajian ini akan menjadi panduan kepada pengkaji akan datang untuk menambah baik kajian yang sedia ada.

## Penghargaan

Sumber data untuk kertas kerja ini adalah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) berkod FRGS/1/2020/WAB10/UKM/03/1.

## Rujukan

- Adriana Santa Tinggom & Nor Hashimah Jalaluddin. 2021. Penyebaran Varian Leksikal Dialek Melayu Satun di Langkawai-Satun: Analisis GIS. *Jurnal Linguistik Vol. 25 (1) Mei 2021 (118–132)*.
- Asmah Haji Omar. 1991. *Aspek bahasa dan kajiannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamber. J. K., & Peter Trudgil. 1990. *Dialektologi*. (Pntj) Anuar Ayub. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Jamil. 2021. Warisan Tak Ketara Kedah: Kajian Gis Dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences, Vol. 18, Issue 1, (Dec)*. [https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2021/11/JESOC18\\_102.pdf](https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2021/11/JESOC18_102.pdf). [25 Mei 2023].
- Harishon Radzi. 2017. Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan Sistem Maklumat Geografi. *Tesis Dr. Fal*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kahn, R. L. & Cannell, C. F. 1957. *The dynamics of interviewing: Theory, technique and cases*. Wiley.
- Nasir Nayan. 2010. *Manual ArcGIS<sup>TM</sup>: Amali ArcMap<sup>TM</sup> dan ArcCatalog<sup>TM</sup>*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh. 1987. “Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan” dalam *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi, & Khairul Ashraaf Saari. 2019. Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai Di Malaysia: Analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2): 362-389. [https://www.researchgate.net/publication/338017333\\_Penyebaran\\_Pengaruh\\_Dialek\\_Melayu\\_Thai\\_Di\\_Malaysia\\_Analisis\\_Gis](https://www.researchgate.net/publication/338017333_Penyebaran_Pengaruh_Dialek_Melayu_Thai_Di_Malaysia_Analisis_Gis). [25 Mei 2023].
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. *Akademika*, 90(3), 147-161 <http://journalarticle.ukm.my/17301/1/39267-140839-1-PB.pdf> [25 April 2023].
- Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Athirah. 2021. Kata Ganti Nama Dialek Melayu Terengganu: Analisis Geolinguistik. 68 *Jurnal Bahasa Jilid 21 Bil. 1 Jun*. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8121/4277>. [25 Mei 2023].
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 16 (1):109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik Vol. 18(2) Disember.2014 (030-046)*.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud. 2019. Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Jurnal Sains Sosial (Malaysian Journal of Social Science)* Jilid. 4 (1) 2019: 102-112. [https://www.researchgate.net/publication/339786557\\_Penelitian\\_Dini\\_Dialek\\_Melayu\\_Kelantan\\_Subdialek\\_Pasir\\_Mas\\_Kelantan\\_Fonem\\_Vokal](https://www.researchgate.net/publication/339786557_Penelitian_Dini_Dialek_Melayu_Kelantan_Subdialek_Pasir_Mas_Kelantan_Fonem_Vokal) [13 April 2023].
- Raja Mukhtaruddin. 1986. *Dialek Perak*. Yayasan Perak.
- Riduan Makhtar, Norfazila Ab. Hamid & Norhasliza Ramli. 2019. Pemetaan Dialek Kelantan Di Sepanjang Sungai Kelantan: Satu Penelitian Awal. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. hlm 11-17. [http://conference.kuis.edu.my/pasa\\_k4/images/kk/bahasa/005-Kk\\_Riduan\\_Et\\_Al\\_2.Pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasa_k4/images/kk/bahasa/005-Kk_Riduan_Et_Al_2.Pdf) [13 April 2023].
- Riduan Makhtar, Shahidi A. Hamid & Abd Ganing Laenggang. 2017. Varian Dialek Kelantan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 4 Bil 2*. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/125/106> [12 Apri 2023]. 3mveVDwCZSSOnPT97kxuy6IJofa4kIUuGobS7pAtx6I%3D [15 Mei 2023].
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika* 88(1), April 2018:137-152. <https://core.ac.uk/download/pdf/160010408.pdf> [10 April 2023].
- Siti Noraini Hamzah, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. 2023. Penyebaran Varian Leksikal Kata Ganti Namadi Daerah Cameron Highlands: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik Vol. 27 (1) Mei 2023 (048-060)*.
- Swadesh, M. 1955. Towards greater accuracy in lexicostatistic dating. *International Journal of American Linguistics*, 21:121-137.

#### **Biodata Penulis:**

Dr. Siti Noraini Hamzah merupakan pensyarah di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, FSSK, UKM. Bidang kepakarannya adalah Semantik dan Geolinguistik. Kajian penyelidikannya berkaitan dengan dialek dan bahasa nusantara selain bahasa Orang Asli.

Muhammad Haziq Azman merupakan pelajar prasiswazah tahun akhir di Program Linguistik. Beliau banyak membantu dalam mendapatkan data dialek di lapangan untuk kajian ini.